



ABDULLAH Ahmad Badawi berucap merasmikan Kaunter Mesra Ahli dan Pengaduan Awam di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

## Abdullah rasmi Kaunter Mesra, Pengaduan Awam UMNO

KUALA LUMPUR 24 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan Kaunter Mesra Ahli dan Pengaduan Awam khusus untuk memudahkan ahli-ahli UMNO dan orang ramai berurusan dengan parti serta kerajaan.

Kaunter itu yang terletak di Lobi Aras 4, Menara Dato' Onn di sini dibuka dari pukul 8.30 pagi hingga 8 malam.

Sehubungan itu, Abdullah yang juga Pemangku Presiden UMNO mahu setiap Badan Perhubungan UMNO Negeri mewujudkan kaunter yang sama bagi meningkatkan prestasi parti di peringkat nasional dan negeri.

Ketika berucap merasmikan kaunter tersebut di sini malam ini, beliau berkata, semua aduan yang diterima akan terus disalurkan kepada pihak berkenaan untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, kewujudan kaunter itu diharap dapat menjalinkan hubungan baik kepimpinan parti termasuk di antara ibu pejabat, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO dengan rakyat secara keseluruhan.

“Sebarang masalah yang dikemukakan kita akan beri perhatian dan ahli-ahli boleh menggunakan perkhidmatan ini sebaik mungkin untuk menyampaikan hajat mereka,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu Naib Presiden UMNO yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan naib-naib presiden parti.

“Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita bersama pelbagai pihak termasuk penulis asing boleh mendapatkan sebarang maklumat daripada kaunter ini,” katanya.

Menurutnya, pegawai yang bertugas sepenuh masa di kaunter itu akan menyalurkan masalah, pandangan, teguran, kritikan terhadap perkara yang dianggap remeh dan menyentuh perasaan kepada pihak-pihak berkenaan.

Perkhidmatan kaunter mesra ahli itu bukan sekadar melalui cara bersemuka tetapi melalui pertanyaan telefon, faks dan e-mel.

Sementara kaunter mesra ahli akan memudahkan ahli mendaftar sebagai ahli baru, menyemak keahlian, membayar yuran, menyerahkan borang permohonan pertukaran cawangan dan penyerahan borang penubuhan cawangan baru.

Ia juga boleh dijadikan tempat rujukan ahli-ahli berkaitan perlembagaan parti, Perhimpunan Agung UMNO serta penyediaan maklumat mengenai parti dari semasa ke semasa oleh Jabatan Penerangan UMNO Pusat.

Orang ramai boleh berurusan di talian 03-26939511 untuk pertanyaan mengenai keahlian dan cawangan sementara 03-26949511 bagi pengaduan awam dan hal ehwal Perhimpunan Agung UMNO atau e-mel di aduan@UMNO.org.my.